

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 7.4.2015

SOALAN :

Tuan Oscar Ling Chai Yew [SibU] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tindakan yang akan diambil kerana mata pelajaran sejarah SJK tahun lima mengandungi kesalahan. Mengapa dalam mata pelajaran sejarah tahun 4 SJK tidak mengatakan pembentukan Malaysia pada tahun 1963, hanya mengatakan kemerdekaan Malaysia 1957, adakah ini bermaksud Pembentukan Malaysia dengan Sabah dan Sarawak pada tahun 1963 tidak penting.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil tindakan dengan meneliti dengan merujuk kepada pakar sejarah negara berkaitan dakwaan bahawa buku teks Sejarah Tahun 5 Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) yang dikatakan mempunyai kesalahan seperti dilaporkan dalam akhbar Sin Chew Daily bertarikh 14 Januari 2015. Hasil penelitian mendapati dakwaan tersebut adalah tidak benar.

Berkaitan dakwaan bahawa Pembentukan Malaysia dengan Sabah dan Sarawak pada tahun 1963 dianggap tidak penting apabila tidak dinyatakan dalam buku teks Sejarah Tahun 4, untuk makluman, dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk mata

pelajaran Sejarah telah disusun berdasarkan garis masa dan kronologi. Kandungan buku teks Sejarah Tahun 4, kurikulumnya adalah sehingga ke arah kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu (PTM). Penglibatan Sabah dan Sarawak dalam pembentukan Malaysia pada tahun 1963 ada dijelaskan dalam kurikulum Sejarah Tahun 6.

RJM108